

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JUNE 2016

Utama kemaslahatan rakyat

BH-26/6/2016

➔ Dakwaan kerajaan 'beri dedak' suatu penghinaan: PM

Oleh Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan akan terus mengutamakan kemaslahatan dan kebajikan rakyat walaupun sering dilemparkan dengan pelbagai fitnah dan tohmahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata tindakan pihak tertentu mendakwa kerajaan 'memberi dedak' kepada rakyat adalah satu penghinaan, dan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri Sarawak serta Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar baru-baru ini membuktikan rakyat percaya dengan keikhlasan kerajaan.

"Rakyat tahu menilai serta membuat keputusan dan mereka memilih kerajaan yang mengutamakan kemaslahatan mereka.

"Kita beri bantuan kepada rakyat kerana ia tanggungjawab kita sebagai kerajaan, tidak boleh dihina kata makan dedak.

Rakyat bertambah yakin

"Sebab itu kerajaan pimpinan saya, kami tidak kisah (pihak lain) nak cakap apa pun, cakuplah tetapi akhirnya rakyat bertambah yakin kepada kerajaan BN," katanya berucap pada program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2016/1437H bersama komuniti Putrajaya di Masjid Putra di sini, malam tadi.



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Najib menyampaikan sumbangan kepada anak yatim dan mereka yang kurang berkemampuan pada program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2016/1437H bersama komuniti Putrajaya, semalam.

Fakta
nombor

RM1.3
JUTA

sumbangan kepada 8,750 orang asnaf, anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan kurang berkemampuan

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Timbalannya, Datuk Dr Loga Bala Mohan serta Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Seri Hasim Ismail.

Malaysia mampu mara

Perdana Menteri berkata, melalui kerajaan stabil dan mempunyai hala tuju yang jelas, Malaysia mampu mara ke hadapan.

"Kita juga mengutamakan penyatuan umat Islam sebagai agenda besar dalam negara. Kita tidak mampu teruskan permusuhan dan perbalahan antara kita.

"Kita juga tidak patut mengeluarkan kata-kata kesat dan menghina terutama dalam Ramadan ini, yang bukan hanya

(mewajibkan umat Islam) menahan lapar dan dahaga tetapi yang penting juga menjaga lidah dan mulut kita," katanya.

Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2016/1437H dianjurkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan PPj dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Yayasan Al Bukhary, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Tahun ini ia diadakan di 13 Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, membabitkan sumbangan berjumlah RM1.3 juta kepada 8,750 orang asnaf, anak yatim, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan kurang berkemampuan.